

18/11/1999

Isa enggan ulas spekulasi

SEREMBAN, Rabu - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, terus enggan memberi ulasan mengenai kedudukan dirinya dalam pilihan raya umum kali ini.

Ini berikutan timbul pelbagai spekulasi mengenai kedudukan dirinya, termasuk dipindahkan ke kawasan Parlimen, sekali gus tidak lagi menjadi Menteri Besar.

Beliau dikatakan akan bertanding di Parlimen Tampin, tetapi spekulasi terbaru mengatakan Mohd Isa akan bertanding di Parlimen Telok Kemang yang kini diwakili wakil MIC, Dr L Krishnan.

"Macam mana saya hendak cakap, saya pun belum tengok senarai calon lagi," katanya di pejabatnya di Wisma Negeri di sini, tengah hari ini.

Mohd Isa yang menjadi Menteri Besar sejak 1982, iaitu selama 17 tahun sebaliknya menyerahkan kedudukannya kepada Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Linggi dalam pilihan raya umum 1995 menyifatkan adalah perkara biasa pelbagai spekulasi mengenai kedudukan dirinya.

"Setiap kali pilihan raya umum, mesti timbul spekulasi. Biasalah itu," katanya.

Sebagai contoh dalam pilihan raya lalu, timbul desas-desus mengenai kepulangan Datuk Napsiah Omar bertanding di DUN Pilah dikatakan untuk menggantikan beliau sebagai Menteri Besar.

Bagaimanapun Mohd Isa terus kekal sebagai Menteri Besar.

Kali ini berikutan timbul spekulasi mengenai Mohd Isa akan bertanding di kawasan Parlimen, timbul pula spekulasi lain mengenai bakal Menteri Besar baru.

Beberapa nama disebut seperti dua ahli Exco sedia ada, Datuk Lilah Yasin yang juga Ketua Umno bahagian Jempol, Napsiah serta Ketua Umno bahagian Seremban, Datuk Ishak Ismail.

Tiga Ahli Parlimen dikatakan turut berpeluang, iaitu Datuk Khalid Yunus (Parlimen Jempol/Timbangan Menteri Pendidikan), Datuk Mohd Noh Rajab (Tampin/Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan) dan Datuk Abu Zahar Ujang (Kuala Pilah).

Malah, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, turut termasuk dalam spekulasi kerana dikatakan akan bertanding di Dun Johol dalam Parlimen Kuala Pilah.

Bagi memamatkan pelbagai spekulasi itu, Mohd Isa meminta semua pihak menunggu hingga senarai akhir calon yang diputuskan oleh Presiden parti, dikeluarkan.

"Kalau dapat esok, saya akan beritahu. Kalau tidak macam mana hendak cakap," katanya.

Walau siapapun yang dipilih, katanya, mereka yang digugurkan perlu menyokong calon baru sebagai mana mereka disokong ketika bertanding dalam pilihan raya umum lalu.

(END)